

# PM dijangka buat pengumuman berkait isu kritikal negara hari ini

**Melaka:** Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka membuat beberapa pengumuman penting berkaitan isu kritikal negara dalam Amanat Tahun Baharu bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata amanat berkenaan menyusul sejour Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat khas Jemaah Menteri pada jam 9 pagi bagi membincangkan isu mendesak yang sedang dihadapi rakyat.

“Esok (hari ini) adalah Isnin pertama bulan Januari dan Perdana Menteri memanggil Jemaah Menteri untuk mesyuarat khas bagi membincangkan beberapa isu terdesak.

“Selepas itu, beliau akan menyampaikan Amanat Tahun Baharu jam 11.30 pagi bersama warga JPM yang dijangka menjadi platform penting untuk me-

ngumumkan langkah baharu kerajaan,” katanya ketika merasmikan Konvensyen Tahunan DAP Melaka Ke-25 di sini, semalam.

Loke berkata, pengumuman yang bakal dibuat itu mencerminkan keseriusan Perdana Menteri serta pimpinan kerajaan dalam menangani pelbagai isu rakyat, khususnya memabitkan sektor ekonomi, pendidikan dan reformasi institusi.

“Saya yakin esok akan ada beberapa pengumuman penting oleh Perdana Menteri yang menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam menangani isu serta masalah yang dihadapi rakyat,” katanya.

Loke yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata berdasarkan maklum balas diterima, isu ekonomi kekal sebagai antara keutamaan apabila komuniti perniagaan menyuarakan ke-

bimbangan terhadap persekitaran dan iklim perniagaan yang dilihat kurang memberangsangkan.

Katanya, antara perkara yang dijangka diberi perhatian ialah langkah menangani rungutan komuniti perniagaan termasuk berkaitan pemulangan semula cukai serta inisiatif lain bagi merangsang keyakinan ekonomi.

“Dalam isu ekonomi, komuniti perniagaan mengeluh berdepan pelbagai cabaran dan saya yakin pengumuman positif akan dibuat esok untuk menangani isu kritikal seperti ini.

“Amanat yang akan disampaikan Perdana Menteri itu bukan sekadar ucapan, sebaliknya akan menggariskan hala tuju negara dan kerajaan sepanjang tahun ini dengan penekanan terhadap pelaksanaan serta tindakan susulan,” katanya.